


DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Phillipines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim

Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz Ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjilid
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com



Zainab Anuar

Frontliner Face

Karya kali ini, saya telah membuat sedikit kelainan dari bidang utama saya iaitu sebagai penggiat seni serat/tenunan kreatif (*creative fiber art*). Karya ini bertemakan keadaan semasa dunia kita pada masa ini dimana dunia sedang dilanda wabak Covid-19. Wabak ini telahpun memberi banyak kesan kepada kehidupan sehari-hari kita sama ada dari segi sosial dan juga ekonomi. Seperti kita sudah maklum, seluruh rakyat dimananya dunia telah bertungkus-lumus dalam menangani wabak ini terutamanya petugas barisan hadapan. Tajuk karya kali ini ialah

“Frontliner Face” yang menunjukkan salah satu petugas barisan hadapan yang paling berisiko dalam menangani wabak ini iaitu Petugas Kesihatan. Karya ini menggambarkan wajah yang tidak terurus dan keadaan mata yang cengkung akibat terlalu penat mengharungi hari-hari mereka sebagai petugas barisan hadapan. Petugas-petugas ini harus bersilih – ganti dengan memakai pakaian PPE (*Personal protective equipment*) bagi menghindari dari terjangkit wabak merbahaya ini. Antara PPE yang dipakai oleh petugas barisan hadapan didalam karya ini ialah *body suit, surgical mask, head cover* dan *goggles*. Rujukan imej karya ini diambil dari media sosial yang memamerkan wajah seorang petugas kesihatan yang membawa amanah dan tanggungjawab yang besar demi menyelamatkan mangsa. Saya telah memilih untuk menggabungkan teknik lukisan, kolaj dan juga teknik *paper mache* atau *paper mache*.

Tujuan saya menggunakan teknik *paper mache* didalam karya ini adalah untuk menjadikan lukisan ini timbul dan terdapat penegasan pada bahagian muka. Teknik *papier mache* dinamakan bersempena dengan nama pembuat kertas utama yang berasal dari China dan juga perkataan *mache* telah diambil dari perkataan Prancis iaitu *chewed paper*. Cara pembuatan *paper mache* ini adalah dengan kaedah merendam atau merebus kertas seperti kotak telor atau surat khabar dan dicampur dengan sedikit tepung ubi. Selain dari kaedah itu, saya telah menggunakan kaedah dengan merendam kotak telor kedalam air, dan telah menumbuk kertas tersebut menggunakan lesung kayu dengan sedikit campuran gum. Ini tujuan bagi memudahkan kertas tersebut senang ditampal dan dibentuk sehingga menjadi kesan timbul membentuk muka. Teknik lukisan boleh diaplikasi ke atas permukaan *paper mache* ini apabila ia telah kering dan permukaan *paper mache* itu akan dicat dengan emulsion putih

sebelum memulakan lukisan. Bahan lukisan yang telah digunakan adalah menggunakan teknik campuran warna basah dan juga warna kering. Selain dari itu, saya telahpun menggabungkan elemen lukisan doodle icon Covid-19 dan icon petugas barisan hadapan pada bahagian latar lukisan bagi menampakkan impak seolah-olah karya ini telah dijahit menggunakan teknik sulaman silang pangkah. Warna yang digunakan hanyalah dua warna iaitu hitam dan putih yang bertujuan untuk memberi penegasan ke atas lukisan wajah petugas barisan hadapan tersebut yang sedang memakai pelitup muka perubatan terpakai yang telah dibiarkan melebihi tujuh hari dan telah disanitasi dengan pembasmi kuman sebelum ia digunakan semula.


Pelitup muka perubatan ini merupakan milik saya sendiri dimana sepanjang 3 bulan yang lepas sehingga kini, saya sering mengalami batuk dan selsema. Dengan memakai pelitup muka jenis ini akan mengurangkan risiko jangkitan terhadap orang disekeliling. Tujuan saya menggunakan pelitup muka perubatan terpakai didalam karya ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pengkarya lain untuk menjadikan ia sebagai inspirasi dalam menghasilkan karya berinspirasikan bahan terbuang. Secara automatik, cara ini dapat mengurangkan pencemaran alam dengan kadar sampah yang meningkat akibat penggunaan pelitup muka pakai buang ini.



ZAINAB ANUAR
Frontliner Face

Canvas, bahan terpakai,
cat emulsion, watercolor,
poster color & illustration marker
1' x 1'
zainab62@uitm.edu.my

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1

9 7 8 9 6 7 2 9 4 8 1 3 1



Galeri
seni merbok